



قجابه ستيأوسها كراجان نكري كلتن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pegarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D200 (01) 472/62 Jld.2 (38)
Bertarikh : 15 Rabiul Akhir 1441H
12 Disember 2019

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian , Pejabat setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

YB Dato' / YBhg. Dato' / YM Tengku/Tuan / Puan,

PENGURUSAN SISTEM PENILAIAN PRESTASI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
- **Penjelasan Pemberian Markah Prestasi 90 % dan Ke atas.**

Adalah dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Dan Agensi Negeri Kelantan Bilangan 2/2019 telah dipengerusikan oleh YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan bersetuju supaya semua markah penilaian 90% ke atas dalam LNPT yang dinilai oleh Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua adalah memerlukan justifikasi serta ulasan.

3. Sebagaimana YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri telah menerima pakai **Surat Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bil.2 Tahun 2009/Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil.3 Tahun 2009**. Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam iaitu telah menggariskan beberapa panduan jelas kepada pegawai terlibat termasuk panduan mengenai **Penjelasan Pemberian Markah Prestasi 90% dan ke atas**.

4. Sehubungan itu, Pegawai Penilai yang memberi markah penilaian 90% dan ke atas hendaklah menyatakan justifikasi dalam ulasan mereka sebagaimana ruangan ulasan **Bahagian VIII & Bahagian IX** terhadap penghasilan nilai yang dihasilkan oleh pegawai yang dinilai.

5. Kerjasama daripada pihak YB Dato' / YABhg.Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

Saya yang menjalankan amanah,

(**HAJI MOHD FARID BIN DATO' HAJI ABDUL RAZAK**)
Pegarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p **SETIAUSAHA KERAJAAN**
NEGERI KELANTAN

Sk : 1) Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
2) YM.Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

" M E M B A N G U N B E R S A M A I S L A M "